

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir** mazmin@unimap.edu.my & **Md Nizam Azid** nizam@unimap.edu.my

EMERALD MANAGEMENT XTRA


Kini **Emerald Management Xtra Plus** menawarkan akses kepada 191 jurnal elektronik terbitan **Emerald** (dahulunya MCB UP Ltd.) dalam bidang pengurusan dan juga kejuruteraan. Dalam bidang pengurusan, pengguna boleh mengakses lebih 85,000 artikel teks penuh berkaitan pemasaran, pengurusan kewangan, ekonomi, polisi sosial dan banyak lagi. Manakala dalam bidang kejuruteraan, lebih 7000 artikel teks penuh ditawarkan dalam pangkalan data ini yang berkaitan dengan **advanced automation, computational mathematics, electronics manufacture and packaging, dan materials science and engineering**. Layari laman **e-Resources** Perpustakaan hari ini untuk mengakses artikel pilihan anda.

BERNAMA LIBRARY INFORMATION SERVICES (BLIS)

BLIS merupakan pangkalan data yang menyediakan berita dan maklumat-maklumat berkaitan Malaysia secara atas talian. Maklumat yang disediakan di dalam **BLIS** dibahagikan kepada 10 kategori seperti **Bernama News, Archives, Foreign News, Info Providers, Who's Who, Speeches, Sectoral Reports, Databank, Facts & Figures dan Calendar of Events**. Dengan **BLIS** pengguna boleh mendapat pelbagai maklumat dari setiap kategori yang ditawarkan. Sebagai contoh maklumat statistik dari Jabatan Perangkaan boleh diperolehi melalui **Info Providers**, ucapan-ucapan terpilih Perdana Menteri, Menteri dan orang-orang kenamaan sejak 1981 boleh dilihat melalui **Speeches** dan banyak lagi. Pengguna Perpustakaan boleh mengakses **BLIS** dengan melayari laman **e-Resources** melalui laman web Perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my>

JOURNAL CITATION REPORTS (JCR)

Bermula pada September 2008, Perpustakaan telah memulakan langganan kepada **Journal Citation Reports (JCR)**, terbitan **Institute for Scientific Information (ISI)**. Ini merupakan langkah berterusan untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan penerbitan di Universiti.



Apakah JCR ?

JCR ialah pangkalan data yang mengandungi maklumat jurnal berimpak bagi hampir 8,000 jurnal penyelidikan. Secara asasnya, ia menawarkan maklumat berikut :

- ▶ Kekerapan bilangan petikan bagi sesuatu judul jurnal
- ▶ Jurnal paling popular dalam sesuatu bidang penyelidikan
- ▶ Nilai faktor impak kepada jurnal yang diliputi
- ▶ Bilangan artikel yang diterbitkan dalam sesuatu bidang perkara

Apakah faktor Impak Jurnal ?

Faktor impak merujuk kepada nilai purata bilangan petikan bagi sesuatu jurnal dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan. Ini melibatkan penggunaan formula berikut :

- ▶ **Bilangan petikan bagi Jurnal A bagi tahun 2003** x
- ▶ **Bilangan petikan bagi Jurnal A bagi tahun 2004** y

- ▶ **Bilangan artikel yang diterbitkan dalam Jurnal A bagi tahun 2003** I
- ▶ **Bilangan artikel yang diterbitkan dalam Jurnal A bagi tahun 2004** m
- ▶ **Faktor Impak Jurnal A bagi tahun 2005** $\frac{x+y}{I+m}$

Bilangan Jurnal Yang Diliputi oleh JCR

JCR meliputi dua edisi iaitu **JCR Science Edition** yang mengandungi 5,900 jurnal dalam 171 bidang perkara. **JCR Social Science Edition** pula menawarkan penilaian kepada 1,700 jurnal dalam 55 bidang.

Kepentingan JCR

JCR merupakan satu-satunya platform yang menghasilkan maklumat faktor impak jurnal secara tahunan. Maklumat ini amat penting kepada para penyelidik untuk menilai keberkesanannya. JCR juga membantu penyelidik membuat tapisan dan memilih jurnal bersesuaian sebagai media penyebaran artikel ilmiah ke seluruh dunia.

Menggunakan JCR Dengan Bijak

JCR memberi tumpuan kepada bilangan petikan. Pengguna perlu memahami bahawa terdapat banyak perkara yang memberi sumbangan kepada aspek penarafan jurnal dan faktor impak. Ini meliputi perubahan yang berlaku kepada format jurnal misalnya bilangan artikel yang diterbitkan serta bilangan petikan yang meliputi pelbagai jenis artikel seperti surat kepada pengarang, ulasan artikel dan sebagainya.

Bagaimana Mengakses JCR ?

JCR disenaraikan bersama semua pangkalan data langganan Perpustakaan dalam laman **e-Resources**. Untuk menggunakan **JCR**, lakukan langkah berikut :

Masuk ke laman web Perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my>

- ▶ Klik pada ikon **e-Resources**
- ▶ Laman **EZProxy** akan dipaparkan
- ▶ Masukkan kata nama e-mail pada medan username
- ▶ Masukkan nombor kad pengenalan pada medan kata laluan
- ▶ Klik **Login**
- ▶ Laman **Database** menu akan dipaparkan
- ▶ Klik pada **Journal Citation Reports**

Bagaimana Menggunakan JCR ?

JCR menawarkan paket edisi perkara dan tahun liputan. UniMAP hanya melanggar kepada data **JCR** bagi tahun 2007 sahaja. Sehubungan itu, hanya liputan tahun 2007 sahaja dipaparkan pada skrin.

Memulakan Pencarian

Pengguna boleh membuat carian menggunakan pilihan berikut:

- ▶ Merujuk lewat jurnal berdasarkan liputan bidang perkara, penerbit atau negara
- ▶ Membuat pencarian menggunakan judul spesifik
- ▶ Merujuk lewat semua jurnal yang diliputi oleh **JCR**

Hasil Carian

JCR membantu pengguna mendapatkan maklumat penting berkaitan jurnal yang diliputi dalam pangkalan data berkaitan. JCR memaparkan prestasi jurnal dalam bidang perkara, negara penerbitan atau penerbit berdasarkan bilangan petikan (**total cites**), faktor impak (**impact factor**), **immediacy index**, bilangan artikel yang diterbitkan dan bilangan petikan pada tahun semasa.

Pertanyaan lanjut mengenai **JCR**, sila hubungi :

Encik Md Nizam Azid, Pustakawan, Unit Runding Maklumat


Tel : (04) 979 8601

E-mail : nizam@unimap.edu.my

Perpustakaan UniMAP

SCOPUS

Perpustakaan telah melanggan kepada **SCOPUS** pada September 2008. **SCOPUS** dikatakan pangkalan data indeks dan abstrak terbesar dengan liputan kepada 15,000 jurnal berwacana, 1,200 jurnal akses terbuka, 500 prosiding seminar dan 600 penerbitan perniagaan. Selain itu, **SCOPUS** juga menawarkan capaian kepada hampir 366 juta laman web saintifik, 21 juta paten dan sumber terpilih daripada repositori institusi dan arkib digital institusi. Tidak dapat dinafikan, **SCOPUS** muncul sebagai jenama hebat selepas dipilih sebagai sumber data untuk indikator impak penyelidikan dalam sistem penarafan **Times Higher Education (THE)**. Perkembangan ini berasaskan kepada keupayaan **SCOPUS** untuk menawarkan liputan kepada lebih banyak sumber ilmiah di seluruh dunia. Sehingga Oktober 2007, **SCOPUS** meliputi 35% jurnal antarabangsa daripada Amerika Utara, 2% daripada Amerika Selatan, 10% daripada Asia, Australia dan Pasifik serta 53% daripada Eropah, Timur Tengah dan Afrika. Dalam aspek liputan perkara, **SCOPUS** meliputi bidang sains hayat (3,400 judul), sains sosial (2,580 judul), sains fizik (5,500 judul) dan sains kesihatan (5,300 judul).



Bagaimana Memanfaatkan SCOPUS ?

► Capaian Kepada Maklumat Ilmiah

Pengguna boleh menikmati antara muka pencarian yang mesra pengguna. Ia kemudian menghubungkan pengguna kepada hasil carian komprehensif meliputi jurnal ilmiah, paten, jurnal akses terbuka dan laman web saintifik. Manfaatkan **SCOPUS** untuk mengesahkan maklumat dalam bidang penyelidikan dan pengajaran.

► Capaian Kepada Maklumat Teks Penuh

SCOPUS menyediakan paparan teks penuh kepada artikel jurnal yang dilanggan oleh Perpustakaan atau artikel teks penuh daripada jurnal akses terbuka.

► Menilai Impak Penyelidikan / Penerbitan Ilmiah

SCOPUS menawarkan maklumat bilangan petikan artikel berdasarkan liputan tahun 1996 sehingga kini. Para penulis atau penyelidik boleh menilai sejauh mana hasil penulisan atau penyelidikan dimanfaatkan oleh komuniti penyelidik seluruh dunia.

Mengakses SCOPUS

SCOPUS kini boleh diakses melalui laman web **e-Resources** Perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my>

TIMES HIGHER EDUCATION (THE)

Perpustakaan telah melanggan kepada **Times Higher Education Online** yang kini boleh diakses melalui laman web **e-Resources** di <http://mylib.unimap.edu.my>. **Times Higher Education (THE)** merupakan akhbar yang mula diterbitkan semenjak tahun 1971 di London. Pada Januari 2008, **THE** diterbitkan oleh **TSL Education Ltd.** sebagai amat

popular. **THE** amat popular terutama dengan sistem penarafan **THE** yang menyenaraikan maklumat Universiti terkemuka di dunia. Tarikan pengunjung laman web pastinya tertumpu pada maklumat lengkap penarafan, metodologi dan capaian skor universiti terkemuka. Walau bagaimanapun, **THE** sebenarnya menawarkan pelbagai maklumat mengenai isu pendidikan meliputi pencapaian pelajar, perkembangan pengajian tinggi dan perkembangan kerja dalam bidang pendidikan. Pengguna juga boleh menikmati kemudahan carian kepada koleksi arkib **THE** bagi liputan tahun 1995 sehingga kini.

OXFORD REFERENCE ONLINE

Pengguna perpustakaan kini boleh memanfaatkan pangkalan data **Oxford Reference Online** yang menawarkan akses kepada lebih 130 bahan rujukan seperti kamus dan ensiklopedia dalam pelbagai bidang terbitan **Oxford University Press**. Antara bidang-bidang yang ditawarkan oleh pangkalan data ini ialah seperti **biological science, computing, earth & environmental sciences, mathematics** dan banyak lagi. Rujukan silang yang mudah dan penyediaan ilustrasi berserta maklumat terpilih antara ciri-ciri menarik yang ditawarkan oleh pangkalan data ini. **Oxford Reference Online** boleh diakses melalui laman **e-Resources** Perpustakaan.

Oxford Reference Online Mendapat Perhatian!

Sesi latihan penggunaan **Oxford Reference Online – Premium Collection** telah diadakan pada 23 Jun 2008 bertempat di Bilik **CAI** dengan dihadiri oleh wakil Perpustakaan dan para Pustakawan. Ciri-ciri grafik yang mengandungi ilustrasi interaktif amat menarik perhatian untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran.

Oxford Reference Online kini boleh diakses melalui laman web **e-Resources** di <http://mylib.unimap.edu.my>

SPRINGER E-BOOKS 2008 COLLECTIONS

Sejumlah 2605 judul buku elektronik daripada **Springer Verlag** kini boleh diakses melalui **Springer e-Books 2008 Collections**. Ini merupakan judul-judul yang diterbitkan bagi tahun 2008 atau dinamakan **Springer e-Books 2008 Collections**. Mereka yang ingin mendapatkan maklumat dalam bidang sains komputer, kejuruteraan, bio-perubatan, sains hayat, rangkaian komputer dan perhubungan bolehlah mencuba **Springer e-Books** hari ini!

SPRINGER E-BOOKS 2000 – 2004 COLLECTIONS

Pernahkah anda cuba memuat turun teks penuh buku elektronik melalui **Springer e-Books**? Mereka yang pernah mencuba pasti pernah mengalami masalah memuat turun kerana sesetengah teks penuh buku tidak dilanggan oleh Perpustakaan. Kini, Perpustakaan meminimalkan masalah berkenaan dengan memperolehi **Springer e-Books 2000 – 2004 Collections**. Ini bermakna Perpustakaan UniMAP kini memiliki hampir semua buku elektronik dalam Bahasa Inggeris bagi tahun 2000 – 2008.

Laman Web Perpustakaan Berwajah Baru

Bermula pada September 2008, Perpustakaan telah membuka kunjungan pengguna ke laman web Perpustakaan yang berwajah baru. Laman berkenaan menggunakan perisian **Content Management System (CMS)** direka agar lebih dinamik untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna.